

KOSMO! KHAMIS 23 FEBRUARI 2017

Niaga

ASNB

Amanah Saham Nasional Berhad

AMANAH HARGA/
SAHAM NAB

AS1M	1.0000
ASN	0.6974
ASN2	0.6071
ASN3	1.0583

ASB	1.0000
ASW 2020	1.0000
ASM	1.0000
ASD	1.0000

ASG	
PENDIDIKAN	0.9875
KESIHATAN	1.0225
PERSARAAN	1.1483

Kiriman maklumat dan maklum balas kepada: ekonomi@kosmo.com.my Faks: 03-9221 8590

LTAT agih dividen, bonus 12%

KUALA LUMPUR – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengumumkan dividen dan bonus sebanyak 12 peratus untuk diagihkan kepada ahli-ahlinya yang layak dengan melibatkan nilai keseluruhan berjumlah RM685.5 juta.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, bayaran dividen dan bonus itu merangkumi enam peratus dividen dan enam peratus bonus khas berbentuk unit amanah saham yang akan diberikan percuma kepada pencarum aktif.

"Secara purata, kadar berkeuntungan adalah lebih tinggi berbanding purata kadar dividen dan bonus semenjak LTAT ditubuhkan sejak 44 tahun yang lalu

iaitu sebanyak 11.3 peratus. "Dividen dan bonus ini akan mula dikreditkan ke dalam akaun ahli-ahli bermula esok," katanya dalam kenyataan akhbar di sini semalam.

Hishammuddin menjelaskan, pihaknya berpuashati dengan pencapaian LTAT dan berharap prestasi itu dikekalkan malah dipertingkatkan pada tahun akan datang.

LTAT telah mencatat jumlah pendapatan RM811 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 berbanding RM766.8 juta tahun 2015.

Jumlah aset pula naik kepada RM9.5 bilion berbanding RM9.3 bilion tahun sebelumnya.

Menurut Hishammuddin, sepanjang tahun 2016, LTAT telah melaksanakan pelbagai



SELAIN pemberian dividen, LTAT turut menyediakan pelbagai bantuan kewangan dan faedah kepada warga tentera dan keluarganya.

pembayaran, insentif dan sumbangan kepada pencarum selain memproses permohonan pengeluaran caruman berjum-

lah RM1.7 bilion daripada 11,179 pencarum yang tamat perkhidmatan.

"Selain itu, sebanyak RM15.9

INFO Dividen LTAT

TAHUN	PERATUS (%)
2015	12%
2014	15%
2013	16%
2012	16%
2011	15%

Sumber: www.ltat.org.my

juta telah dibayar kepada 1,952 pencarum yang layak membeli rumah kediaman pertama atau sebidang tanah di bawah Skim Pengeluaran Perumahan LTAT.

"Badan berkanun ini turut membiayai subsidi berjumlah RM10.6 juta oleh Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (Pernama) bagi penjualan bayaran ruji di bawah harga pasaran bertujuan untuk membantu meredakan beban anggota tentera," ujarnya.